



## KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

| Bil | Berita  | Media             | Capaian Berita Penuh                        |
|-----|---|-------------------|---|
| 1.  | <a href="#"><u>Focus on sending radioactive waste back to Australia, Lynas told</u></a> | New Straits Times | Klik pada tajuk berita                      |
| 2.  | <a href="#"><u>Accenture on S.T.E.M.</u></a>  | The Sun Daily     | Klik pada tajuk berita                      |
| 3.  | <a href="#"><u>Lynas ubah fakta sisa buangan WLP: Fuziah / Fuziah bidas Lynas</u></a>   | Sinar Harian      | Klik pada tajuk berita dan Rujuk lampiran 1 |
| 4.  | <a href="#"><u>Higher water tariffs?</u></a>  | New Straits Times | Klik pada tajuk berita                      |
| 5.  | <a href="#"><u>Padah curi elektrik</u></a>  | Harian Metro      | Klik pada tajuk berita                      |
| 6.  | <a href="#"><u>Gempa bumi lemah di Ranau</u></a>  | Berita Harian     | Klik pada tajuk berita                      |
| 7.  | <a href="#"><u>Ranau dilanda gempa bumi lemah</u></a>                                   | Kosmo             | Klik pada tajuk berita                      |
| 8.  | <a href="#"><u>Body of warm water in Indian Ocean heading to Malaysia</u></a>           | The Star          | Rujuk lampiran 2                            |
| 9.  | <a href="#"><u>MP: Have one select committee to deal with environment</u></a>           | The Star          | Rujuk lampiran 3                            |
| 10. | <a href="#"><u>Elak pembakaran terbuka</u></a>  | Utusan Malaysia   | Rujuk lampiran 4                            |
| 11. | <a href="#"><u>Pusat tenaga boleh diperbaharui dilancar</u></a>                         | Utusan Malaysia   | Rujuk lampiran 5                            |
| 12. | <a href="#"><u>Tenaga biomas lebih jimat, mesra alam</u></a>                            | Utusan Malaysia   | Rujuk lampiran 6                            |



## TEMPATAN

| Bil | Berita   | Media           | Capaian Berita Penuh   |
|-----|--|-----------------|------------------------|
| 13. | <u><b>Paras Sungai Golok semakin surut</b></u>             | Kosmo           | Rujuk lampiran 7       |
| 14. | <u><b>Tanah Tinggi Lojing semakin panas</b></u>            | Kosmo           | Rujuk lampiran 8       |
| 15. | <u><b>Suhu Tanah Tinggi Lojing semakin panas</b></u>       | Utusan Malaysia | Rujuk lampiran 9       |
| 16. | <u><b>Fenomena Kamarau Panjang RM500,000 'Terbang'</b></u> | Harian Metro    | Rujuk lampiran 10      |
| 17. | <u><b>Bantah projek, 500 penduduk terjejas</b></u>         | Sinar Harian    | Klik pada tajuk berita |
| 18. | <u><b>IPU sederhana di 3 lokasi di Sabah</b></u>           | Berita Harian   | Klik pada tajuk berita |
| 19. | <u><b>500 terjejas akibat banjir di Betong</b></u>         | Berita Harian   | Klik pada tajuk berita |
| 20. | <u><b>Malaysia jadi model mini Putrajaya Filipina</b></u>  | Astro Awani     | Klik pada tajuk berita |
| 21. | <u><b>Sebab Khazanah rugi</b></u>                          | Utusan Malaysia | Klik pada tajuk berita |
| 22. | <u><b>Polis rampas toto ada kesan darah</b></u>            | Utusan Malaysia | Klik pada tajuk berita |

## ANTARABANGSA

| Bil | Berita  | Media           | Capaian Berita Penuh   |
|-----|---|-----------------|------------------------|
| 23. | <u><b>Thailand keluarkan 27.82 juta tan metrik sisa buangan</b></u> | Utusan Malaysia | Klik pada tajuk berita |
| 24. | <u><b>India dominasi senarai bandar raya paling tercemar</b></u>    | Kosmo           | Rujuk lampiran 11      |

LAMPIRAN 1  
SINAR HARIAN (SENTRAL): MUKA SURAT 18  
TARIKH: 7 MAC 2019 (KHAMIS)

## Fuziah bidas Lynas

KUANTAN - Ahli Parlimen Kuantan, Fuziah Salleh menafikan dakwaan Lynas Malaysia Sdn. Bhd. (Lynas) yang menyatakan condisoil yang mengandungi sisa radioaktif Water Leached Purification Residue (WLP) adalah kejayaan yang mampu membawa kepada aplikasi komersial.

Katanya, laporan yang dikeluarkan syarikat tersebut seperti dilapor sebuah akhbar tempatan bahasa Inggeris merupakan satu laporan tidak bertanggungjawab.

Fuziah mendakwa, fakta sebenar keburukan sisa buangan tersebut telah diubah pihak Lynas.

"Lynas selama ini agak ketara tidak mahu bercakap berkenaan sisa radioaktif WLP dan mungkin mempercayai bahawa rakyat juga akan terus mempercayai strategi mereka yang tidak menyebut tentang WLP. Seolah-olah sisa buangan radioaktif ter-

sebut tidak wujud.

"Saya kira Lynas harus menumpukan kepada usaha menghantar sisa radioaktif WLP ke negara asal Australia seperti yang telah di syartkan oleh Menteri Tenaga, Menteri Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar, Yeo Bee Yin," katanya.

Dalam pada itu, Fuziah berkata Lynas harus terima hakikat bahawa Yeo Bee Yin telah mengumumkan bahawa sisa radioaktif kilang Lynas tidak boleh diteruskan dan perlu membawa sisa tersebut pulang sebelum tempoh tamat lesen pengoperasiannya pada September 2019.

M e n u r u t n y a , Jawatankuasa Eksekutif keatas Lynas juga telah menyarankan semua kajian mengenai pengkitaran semula residu Neutralization Underflow Residue (NUF), tanpa melibatkan residu WLP boleh di teruskan.

"Kita mahu Lynas lebih bertanggungjawab dan tidak terus mengelirukan rakyat," katanya.





LAMPIRAN 2  
THE STAR (NATION): MUKA SURAT 10  
TARIKH: 7 MAC 2019 (KHAMIS)

# Body of warm water in Indian Ocean heading to Malaysia

**PETALING JAYA:** A conservation group monitoring coral in Malaysian waters has warned of a body of warm water forming in the Indian Ocean which can lead to coral bleaching.

Reef Check Malaysia general manager Julian Hyde said a review of information from the United States' National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA) showed that the body of warm water was slowly moving eastwards towards Malaysia.

"We haven't had reports of bleaching yet. It's a little early.

"For bleaching to start, there needs to be several consecutive

“  
For bleaching to start, there needs to be several consecutive weeks of warm water.

Julian Hyde

”

weeks of warm water, which requires an even more extended stretch of hot weather. So far, nothing yet," he said in a statement yesterday.

Hyde was responding to a ques-

tion whether coral bleaching had been observed in waters off Malaysia.

Coral bleaching happens when corals expel the algae living in their tissues when the water turns warm, causing the coral to turn completely white. Although a bleaching coral is not dead, it is under more stress.

He said there were warnings from the global scientific community that there could be a strong El Nino weather pattern this year, which could lead to bleaching.

"We review the information available from NOAA on a weekly basis - they publish data on sea surface temperatures, an indicator of

possible bleaching.

"There appears to be a body of warm water forming in the Indian Ocean, which is slowly moving towards us," he said.

Weekly satellite pictures, said Hyde, showed the spreading of light and dark yellow areas.

"These are bleaching alerts showing possible warming waters," he said, adding that Reef Check regularly spoke to people in the field.

He said they had seen similar pictures previously with apparent warming waters.

"But then temperatures regularised and no bleaching resulted. So, it is too early to be sure now. All I

can say is that we are monitoring it," he said.

Malaysia is currently facing a hot and dry spell until the end of the month.

The Malaysian Meteorological Department, in a report on the country's weather outlook from February to July, said that most international climate models predicted a 65% possibility of the El Nino weather phenomenon occurring until May.

El Nino is an irregular weather phenomenon that causes sea temperatures in the equatorial Pacific Ocean to rise, bringing hot and dry weather to Malaysia.

### LAMPIRAN 3

## THE STAR (NATION): MUKA SURAT 9

### TARIKH: 7 MAC 2019 (KHAMIS)

## MP: Have one select committee to deal with environment

By MARTIN CARVALHO  
and ONG HAN SEAN  
newsdesk@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** Kuantan MP Fuziah Salleh wants one of the new select committees to be set up by Parliament to include one on environment to tackle public concerns over the issue.

She added Dewan Rakyat Speaker Datuk Mohamad Ariff Md Yusof recently announced that several more select committees will be set up in the upcoming Parliament meeting.

"I mentioned to him about the possibility of setting up one to deal with environmental issues. I am hopeful that this will be done," she said in a phone interview yesterday.

She said there is growing awareness among Malaysians who want to see environmental issues tackled by Parliament.

Fuziah said Kuantan residents had expressed concerns over the recent announcement on the lifting of the moratorium on bauxite mining.

"The announcement of the lifting of the moratorium in absence of proper standard operating procedures has given rise to concerns," she added.

To address this issue, Fuziah said she requested the parliamentary caucus to monitor Lynas Advanced Materials Plant in Pahang to extend their scope to include bauxite mining.

The Lynas Parliamentary Monitoring Caucus was set up on the initiative of several MPs on Dec 5 last year after learning that Dewan Rakyat had decided a day earlier to postpone the setting up of an official caucus for the purpose.

Fuziah also disputed a news report which stated that Lynas Malaysia Sdn Bhd successfully found commercial applications for its water leach purification (WLP) residue.

She said the Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Ministry had issued a statement that research involving WLP, which is a radioactive waste from the Lynas plant, cannot proceed and it must be sent back to its country of origin before the expiration of Lynas' operating licence in September.

As such, she said Lynas should focus on sending the WLP radioactive waste back to Australia as ordered by the minister.



## LAMPIRAN 4 UTUSAN MALAYSIA (FORUM): MUKA SURAT 19 TARIKH: 7 MAC 2019 (KHAMIS)



AKTIVITI pembakaran jerami secara terbuka perlu dielakkan pada masa kini agar keadaan tidak menjadi lebih buruk. -GAMBAR HIASAN/BERNAMA

### Elak pembakaran terbuka

#### SAUDARA PENGARANG,

**SEMUA** pihak berkuasa berkaitan khususnya Jabatan Alam Sekitar (JAS) perlu giat melakukan proses pemantauan terhadap sebarang aktiviti pembakaran terbuka.

Ini bagi mengelakkan berlaku sebarang kejadian buruk akibat aktiviti pembakaran terbuka yang dilakukan khususnya pada musim panas dan kemarau panjang yang sedang dialami negara pada masa kini.

Cuaca panas dan kemarau yang sedang dialami dikatakan akibat perubahan monsun. Secara umumnya, cuaca di Malaysia dicorakkan oleh dua rejim monsun utama iaitu monsun barat daya yang bermula akhir Mei hingga September dan monsun timur laut dari November hingga Mac.

Monsun timur laut akan membawa hujan lebat terutama ke negeri-negeri di pantai timur Semenanjung dan barat Sarawak, manakala monsun barat daya secara relatifnya menunjukkan cuaca lebih kering.

Tempoh peralihan di antara dua monsun ini dikenali sebagai musim perantaraan monsun. Memandangkan cuaca panas dan kemarau

sedang dialami, adalah penting untuk semua pihak memberi kerjasama serta tidak melakukan aktiviti yang boleh memburukkan lagi keadaan cuaca dan alam sekeliling.

Antaranya tidak melakukan aktiviti pembakaran terbuka. Pelbagai implikasi buruk boleh berlaku sekiranya orang ramai melakukannya terutama ketika musim panas dan kemarau.

Memandangkan keadaan sekeliling berada dalam keadaan kering, sebarang aktiviti pembakaran terbuka pada masa kini akan mengundang risiko tinggi berlaku pembakaran secara besar-besaran.

Sekali gus ia boleh mengundang bahaya kepada nyawa serta harta benda orang ramai. Pembakaran besar-besaran juga boleh menyebabkan kemunculan asap atau jerebu tebal yang boleh membahayakan kesihatan khususnya warga emas, orang sakit dan kanak-kanak.

Para perokok juga dinasihatkan tidak membuang puntung rokok di merata-rata tempat yang boleh mengakibatkan berlaku kebakaran. Golongan petani atau peladang yang masih mengamalkan pertanian tradisional juga perlu mengelakkan melakukan pembakaran jerami,

padi, rumput kering dan seumpamanya.

Tindakan tegas mengikut peruntukan undang-undang perlu diambil seperti yang ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 (Akta 127). Seksyen 29A (1) Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 (Akta 127).

Oleh itu, semua pihak perlu memandang serius terhadap perkara ini serta mengambil langkah supaya kebakaran secara terbuka tidak berlaku di kawasan milik mereka.

JAS hendaklah sentiasa aktif melakukan proses pemantauan serta giat menjalankan operasi pencegahan aktiviti pembakaran terbuka di seluruh kawasan bagi memastikan tiada pihak ambil mudah. Selain itu, orang ramai perlu diberi pendedahan serta didikan sepanjang masa serta bahaya yang boleh berlaku.

Kerjasama antara agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat, Bahagian Keselamatan Negara, Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela), Kementerian Kesihatan dan Polis Diraja Malaysia serta masyarakat juga penting dalam membendung sebarang aktiviti pembakaran terbuka.

**DR. MUZAFFAR  
SYAH MALLOW**  
Universiti Sains Islam  
Malaysia (USIM)

# LAMPIRAN 5 UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS): MUKA SURAT 25 TARIKH: 7 MAC 2019 (KHAMIS)



MALAYSIA mempunyai keluasan tanaman sawit mencukupi untuk penjana kuasa biomasa. - GAMBAR HIASAN

## Sumber sawit berpotensi besar

**M**ALAYSIA yang kaya dengan sumber kelapa sawit menjadi kelebihan bagi negara ini untuk mengorak langkah ke arah penjana tenaga lestari. Menurut kajian, kelapa sawit akan menghasilkan 90 peratus biomasa sementara 10 peratus minyak. Malaysia memiliki kawasan seluas 5,811,145



hektar yang ditanam dengan sawit melibatkan pengeluaran tandan buah segar (FFB) sebanyak 101,022,441 tan sudah cukup untuk amalan penjana kuasa ditukar kepada yang lebih mesra alam. "Ini bermakna sebanyak RM8 bilion sumber biomasa mencukupi untuk menggantikan 5,000 megawatt (mW) janakuasa. Justeru, wujudnya keperluan untuk penjana kuasa biomasa dalam skala besar dalam mewujudkan tenaga boleh diperbaharui yang lebih mesra alam. Senario tersebut turut mencipta lebih banyak peluang pekerjaan, mengurangkan kebergantungan terhadap import bahan api serta mengurangkan 26 juta tan karbon dioksida setiap tahun. Justeru, tidak mustahil untuk negara menghasilkan 5,000mW penjana kuasa biomasa menjelang 2025.

## Pusat tenaga boleh diperbaharui dilancar

**U**NIVERSITI Tenaga Nasional (Uniten), melalui Institut Tenaga Lestari (ISE) baru-baru ini melancarkan Badan Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE) untuk Tenaga Boleh Diperbaharui.

AAIBE diuruskan sebagai sebuah badan yang menyediakan dana penyelidikan bagi meningkatkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui sebagai sumber tenaga alternatif untuk negara. AAIBE dibiayai oleh syarikat janakuasa, TNB Generation Sdn. Bhd. dan pengeluar tenaga bebas (IPP) serta ditadbir oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC).

Pembiayaan dana yang bernilai sebanyak RM20 juta tersebut bertujuan meningkatkan pengeluaran tenaga daripada sumber tenaga yang boleh diperbaharui terutama daripada biojisim, biobahan

api dan biogas bersama sumber tradisional di samping dapat menyumbang untuk mewujudkan persekitaran yang selamat dan mengurangkan pelepasan gas berbahaya dengan mengurangkan penggunaan bahan api fosil.

Melalui perancangan dan pelaksanaan yang rapi, dana tersebut dijangka membantu mewujudkan faedah ekonomi dan sosial kepada industri tenaga boleh diperbaharui (RE) di negara ini di samping membantu usaha mengurangkan pemanasan global.

AAIBE dirasmikan oleh Ketua Setiausaha MESTECC, **Datuk Seri Dr. Mohd. Azhar Yahaya**.

Dalam ucapan perasmian, beliau berharap kerjasama dan komitmen pakar dan pihak berkepentingan serta penyediaan data berharga dari Kementerian, agensi, organisasi penyelidikan, syarikat, persatuan dalam industri, universiti mahu pun

pertubuhan bukan kerajaan (NGO) amat penting dalam memastikan kejayaan usaha tersebut.

Beliau juga percaya Uniten dan AAIBE untuk Tenaga Boleh Baharu akan terus menyokong agenda nasional dalam merealisasikan semua janji yang dibuat oleh kerajaan bertujuan menjadikan bumi sebagai planet yang selamat untuk didiami.

Majlis tersebut yang turut dihadiri oleh Naib Canselor Uniten, **Prof Datuk Dr. Ir. Kamal Nasharuddin Mustapha** dan Pengarah AAIBE untuk Tenaga Baharu, **Prof. Ir. Dr. Abd Halim Shamsuddin**.

Dalam pada itu, Kamal Nasharuddin berkata, pada masa ini ISE mempunyai lebih 30 projek penyelidikan yang telah selesai dan sembilan projek lagi masih dalam proses untuk disiapkan. Kebanyakannya dibiayai oleh Uniten, TNB, AAIBE, Kementerian Pendidikan dan MESTECC.

"ISE turut bekerjasama dengan pelbagai institusi antarabangsa seperti Universiti Leeds (UK), Universiti Cardiff (UK), Universiti Sains Gunaan Aachen (Jerman), Universiti McGill (Kanada) dan Institut Sumber dan Tenaga India. "ISE juga merupakan tuan rumah bagi cawangan Institut Tenaga Malaysia," katanya.



DR. MOHD. AZHAR YAHAYA




IR. KAMAL NASHARUDDIN MUSTAPHA



SUMBER biomasa daripada sawit perlu diterokai dalam penjana tenaga lestari. - GAMBAR HIASAN

LAMPIRAN 6  
 UTUSAN MALAYSIA (MEGA ALAM): MUKA SURAT 24  
 TARIKH: 7 MAC 2019 (KHAMIS)



# Tenaga biomias lebih jimat, mesra alam

“  
 Jika dilihat kesan dari pemanasan global dan perubahan iklim semakin teruk dan tindakan tegas serta pantas perlu dilakukan di semua peringkat bagi mengatasi perkara tersebut.

**C**UACA yang tidak menentu dan kejadian bencana alam seperti banjir, ribut, panas dan kemarau berpunca daripada perubahan iklim dan pemanasan global ternyata mengancam penduduk dunia.

Malaysia juga tidak terkecuali. Cameron Highlands di Pahang yang satu ketika dulu begitu sejuk dengan suhu di bawah 20 darjah Celsius kini semakin panas.

Jika dulu penginapan di pusat peranginan tanah tinggi itu tidak memerlukan pendingin hawa tetapi kini ia adalah wajib di setiap bilik di hotel, rumah tumpangan atau kediaman.

Perkara tersebut berlaku apabila manusia berkejar-kejar mengubah gaya hidup yang pada asalnya mudah kepada kehidupan era teknologi yang segalanya pantas dan pengembangannya tanpa henti. Tanpa disedari, penggunaan teknologi moden menjadi penyumbang utama kepada pembebasan karbon dioksida sekali gus penggunaan tenaga terus meningkat sekali gus memberi kesan terhadap alam sekitar.

Pengarah Badan Akaun Amanah Industri Bekalan

Oleh **AQILAH MIOR KAMARULBAID**  
 aqilah.mks@gmail.com

Elektrik (AAIBE) Untuk Tenaga Baharu, **Prof. Ir. Dr. Abd. Halim Shamsuddin** berkata,

permintaan terhadap tenaga yang tinggi meningkatkan pembebasan karbon dioksida yang menjadi punca utama pemanasan global.

“Jika dilihat kesan daripada pemanasan global dan perubahan iklim semakin teruk dan tindakan tegas serta pantas perlu dilakukan di semua peringkat bagi mengatasi perkara tersebut.

“Ini termasuk kerajaan perlu membuat satu dasar atau polisi berkaitan isu ini kerana sikap manusia yang pelbagai kerenah dan sifat perlu diatasi terutama dalam pembaziran tenaga seperti sikap sambil lewa tidak menutup lampu ketika tidak digunakan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Pengarah AAIBE untuk Tenaga Baharu Bagi Baru-baru ini. AAIBE merupakan agensi yang dibiayai oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim

(MESTECC).  
 Abd. Halim menambah, permintaan terhadap tenaga dijangka meningkat kira-kira 17 peratus pada 2060 berbanding 4.5 peratus pada 2015 dengan sektor pengangkutan merupakan penyumbang utama dengan peningkatan 10 kali ganda dari 2015 ke 2060.

Malaysia sebagai sebuah negara membangun mengorak langkah dengan melakukan perubahan untuk mengguna pakai tenaga boleh diperbaharut sejak beberapa tahun lalu.

Faktor alam sekitar merupakan elemen penting dalam sektor penjanaan tenaga dan Malaysia memiliki sumber semula jadi yang banyak seperti hidro, solar, biogas dan biomias.

Bagi Abd. Halim, beliau menyarankan agar Malaysia menjana tenaga melalui biomias iaitu merupakan tenaga yang terhasil daripada bahan-bahan yang berasal daripada tumbuhan.

Kaedah biomias digunakan sejak zaman purba lagi sebagai sumber tenaga untuk memasak,

memanaskan badan, melebur logam dan pembuatan senjata. Ini kerana bahan biomias boleh diperolehi dengan mudah dengan jumlah yang banyak serta dalam masa sama dapat mengurangkan keberangan terhadap bahan api fosil yang semakin berkurangan.

Tenaga dihasilkan melalui proses fotosintesis menghasilkan karbohidrat yang merupakan asas binaan utama biomias.

“Penghasilan tenaga melalui kaedah ini dapat mengurangkan gas rumah hijau, karbon dioksida, gas metana (CH<sub>4</sub>) sulfur oksida (SO<sub>x</sub>) sekali gus membantu mengelak pembaziran sumber tenaga.

“Dalam masa sama ia dapat mengurangkan sisa atau reduksi dari kilang dan menyediakan haba serta kuasa apabila terdapat permintaan,” jelasnya.

Sumber untuk menjana tenaga melalui cara tersebut juga mudah ditemui antaranya seperti kayu, sisa tanaman, sisa ternakan, perladangan dan kumbahan.



**DR. ABD. HALIM SHAMSUDDIN**



LAMPIRAN 7  
KOSMO (NEGARA): MUKA SURAT 2  
TARIKH: 7 MAC 2019 (KHAMIS)

Cuaca panas sejak dua minggu lalu sukarkan pengusaha bot cari rezeki

## Paras Sungai Golok makin surut

**PASIR MAS** – Cuaca panas di Kelantan sejak dua minggu lepas menyebabkan paras air Sungai Golok yang menjadi 'batu sempadan' antara Malaysia dan Thailand di negeri ini semakin susut.

Tinjauan *Bernama* ke Rantau Panjang di sini mendapati keadaan itu menyebabkan pembentukan beting pasir di tengah sungai sekali gus menyebabkan kesukaran kepada pengusaha bot penambang melakukan aktiviti mereka.

Selain itu, tinjauan dekat Kampung Jeram Perdah di sini pula mendapati jarak antara Malaysia dengan Thailand menjadi 'lebih dekat' berikutan sungai tersebut menjadi seperti parit



DIN (kanan) mengendalikan bot penambang miliknya di Sungai Golok, Pasir Mas, Kelantan kelmarin.

dengan jarak kira-kira 4 meter.

Berikutan itu, penduduk yang tinggal berdekatan boleh menyeberang ke negara jiran secara

berjalan kaki sahaja kerana batu yang berada di tengah sungai sudah timbul dan rapat ke negara jiran.

Seorang pengendali bot penambang, Din Mamat, 50, berkata, berikutan fenomena itu, pemandu bot perlu lebih berhati-hati ketika mengendalikan bot mereka kerana bimbang terlanggar bongkah kayu atau batu yang berada di dasar sungai yang semakin cetek.

"Namun, keadaan itu juga menarik perhatian penduduk setempat terutama kanak-kanak dari kedua-dua negara yang tinggal di tebing sungai untuk mandi-manda terutama pada waktu petang.

"Sekiranya air semakin kering, saya jangka keadaan di sungai ini akan menjadi seperti 'pesta' sebagaimana yang berlaku beberapa tahun lepas sehingga ada yang

datang berniaga di sungai ini," katanya ketika ditemui di sini.

Sementara itu, laman sesawang Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kelantan menunjukkan paras air Sungai Golok berada pada paras 3.58 meter berbanding paras normal 5 meter.

Selain itu, Sungai Kelantan di Kusial, Tanah Merah pula menurun kepada 730 meter berbanding paras normal 10 meter manakala Sungai Kelantan di Air Muli, Pasir Mas menurun kepada 1.57 meter berbanding paras normal 4 meter.

Bagaimanapun, paras air di kebanyakan sungai di Hulu Kelantan seperti Gua Musang dan Kuala Krai masih dalam keadaan normal.



LAMPIRAN 8  
 KOSMO (NEGARA): MUKA SURAT 2  
 TARIKH: 7 MAC 2019 (KHAMIS)

# Tanah Tinggi Lojing semakin panas

**GUA MUSANG** - Suhu Tanah Tinggi Lojing di sini yang sebelum ini mencatat suhu 17 darjah Celsius meningkat kepada 33 darjah Celsius sejak awal Februari lalu.

Fenomena itu dikatakan berlaku ekoran penerokaan tanah yang tidak terkawal manakala cuaca panas berterusan sejak bulan lalu sehingga menyebabkan suhu di kawasan tersebut semakin panas.

Seorang penduduk Orang Asli, Tijah Abu, 60, berkata, tindakan pihak pemaju yang membuka tanah bagi menanam sayur-sayuran dilihat menjadi antara faktor berlakunya perubahan cuaca di Lojing.

"Keadaan bentuk muka bumi Lojing su-



**SUHU tinggi di kawasan Tanah Tinggi Lojing yang semakin meningkat sejak awal Februari lalu dipercayai akibat penerokaan tanah yang rakus.**

dah berubah apabila kawasan ini dipenuhi dengan kebun sayur berbanding dahulu apabila ia merupakan hutan belantara yang kaya dengan khazanah alam semula jadi.

"Di Lojing, terdapat

spesies bunga pakma dan pokok herba yang hampir pupus," katanya di sini semalam.

Sudirman Asok, 45, pula berkata, sejak lima tahun kebelakangan ini suhu di Lojing semakin berubah apabila tanah

ditarah oleh pihak pemaju.

"Sebelum ini, kalau kita berada di Masjid Keputeraan Lojing dekat sempadan Cameron Highlands suasananya cukup nyaman dan kabus tebal sehingga menutup pemandangan tanah tinggi ini.

"Namun, kini keadaan berbeza apabila suhu sejuk itu semakin berkurangan," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri Galas, Mohd. Syahbudin Hashim berkata, lebih 100 kebun sayur di Tanah Tinggi Lojing perlu dipantau oleh pihak berkuasa agar kawasan itu tidak diancam kemusnahan dan bencana seperti yang berlaku di Cameron Highlands.

LAMPIRAN 9  
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 10  
TARIKH: 7 MAC 2019 (KHAMIS)

## Suhu Tanah Tinggi Lojing semakin panas

**GUA MUSANG 6 Mac** - Suhu Tanah Tinggi Lojing, di sini sebelum ini yang mencatat sekitar 17 darjah Celcius seakan-akan Cameron Highlands, Pahang didapati bertukar kepada suhu biasa sekitar 33 darjah Celcius.

Difahamkan, penerokaan tanah yang tidak terkawal dan musim kemarau sejak sebulan lalu antara penyebab kawasan itu sudah tidak sesejuk dulu.

Malah, penduduk asal di situ iaitu masyarakat Orang Asli turut mengakui keadaan tersebut dan mendakwa Tanah Tinggi Lojing semakin panas berbanding 20 tahun lalu yang setanding cuaca sejuk di Cameron Highlands.

Seorang penduduk Orang Asli, **Tijah Abu**, 60, berkata, tindakan pihak pemaju yang membuka tanah untuk aktiviti penanaman sayur dilihat menjadi faktor perubahan cuaca di Lojing.

Katanya, keadaan bentuk

muka bumi Tanah Tinggi Lojing sudah berubah apabila dipenuhi dengan kebun sayur berbanding dahulu merupakan hutan belantara yang kaya dengan khazanah alam semula jadi.

**Sudirman Asok**, 45, pula berkata, sejak lima tahun kebelakangan ini suhu di Lojing sudah semakin berubah gara-gara tanah digondol secara agresif oleh pemaju.

“Sebelum ini kalau kita berada di Masjid Keputeraan Lojing berdekatan sempadan Cameron Highlands, suasananya cukup nyaman dan kabus tebal sehingga menutup pemandangan tanah tinggi,” katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Galas, **Mohd. Syahbuddin Hashim** berkata, Tanah Tinggi Lojing semakin terancam jika tiada kawalan tegas terhadap lebih 100 kebun sayur yang diusahakan pemaju di situ.



**PÉMBUKAAN** tanah di Tanah Tinggi Lojing didakwa menjadi faktor suhu di Lojing semakin panas di Gua Musang, Kelantan.



# LAMPIRAN 10 HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 14 TARIKH: 7 MAC 2019 (KHAMIS)



“Ayam yang dibiarkan berkeliaran mungkin tidak berhadapan masalah kerana boleh berteduh di bawah pokok tetapi ayam yang dikurung dalam reban perlu dipantau sentiasa”  
Harif Razik

## Mandi ayam tiga kali sehari

Marang: Sekurang-kurangnya tiga kali sehari ayam ternakannya akan dibasahkan demi memastikan sentiasa sihat dan tidak terjejas akibat kemarau melanda negara ketika ini.  
Harif Razik, 52, yang memernak ayam sejak berusia belasan tahun berkata, ini kali pertama cuaca panas melampau memberi kesan terhadap ternakannya.  
“Pada waktu ini, minuman untuk ayam perlu atur sebaik mungkin, jika tidak ayam akan

kepanasan dan boleh mati.  
“Selain memberinya minum, saya turut membasahkan ayam yang diternak bagi memastikan ia tidak kehausan dan boleh turunkan suhu.  
“Ayam yang dibiarkan berkeliaran mungkin tidak berhadapan masalah kerana boleh berteduh di bawah pokok tetapi ayam yang dikurung dalam reban perlu dipantau sentiasa,” katanya.  
Harif atau lebih mesra dipanggil Pok

## Jual 100kg ikan masin, kering sehari

**Pasir Puteh:** Peniaga ikan memanfaatkan sepenuhnya musim kemarau ini dengan membuat ikan kering atau ikan masin dan menjualnya berikutan permintaan tinggi penduduk.  
Malah, peniaga sekitar Tok Bali, di sini mendakwa permintaan mencecah 100 kilogram (kg) sehari, sekali gus rezeki berganda buat mereka.  
Ibu tunggal, Sarifah Saad 49, berkata, dia mengambil peluang itu membuat ikan masin daripada pelbagai jenis ikan termasuk ikan talang, gelama, selar kuning dan duri.  
Mengusahakannya bersama kakak, Jamilah, 55, yang juga ibu tunggal dan abangnya, Jamil, 52, semua hasil itu hanya dijual di hadapan rumah mereka.  
“Alhamdulillah, sejak awal musim kemarau, proses mengeringkan ikan yang diperap dengan garam hanya mengambil masa sehari, berbanding ketika

musim hujan, kami mengambil masa lebih dua hari.  
“Ikan kering ini mendapat permintaan yang tinggi bukan sahaja daripada pelanggan Kelantan, malah luar negeri,” katanya ketika ditemui semalam.  
Menurutnya, mereka hanya menggunakan ikan segar yang dihantar peraliti ikan atau dibeli di Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Tok Bali.  
“Ikan dijual dengan harga antara RM18 sekilogram bagi ikan kecil dan RM50 hingga RM80 untuk ikan besar seperti talang serta gelama.  
“Kami mengutamakan kualiti ikan sejak memulakan bisnes ini 12 tahun lalu kerana tidak mahu mengecewakan hati pelanggan.  
“Lagipun, mudah dapat bekalan ikan disebabkan bekalan banyak dan nelayan turun ke laut,” katanya.



SARIFAH (kanan) bersama adik iparnya, Rahimah menjemur ikan kering di hadapan rumah mereka di Tok Bali.

LAMPIRAN 10 (SAMB.)  
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 15  
TARIKH: 7 MAC 2019 (KHAMIS)

Arih berkata, cuaca begitu juga berisiko menyebabkan ayam mudah dijangkiti penyakit antaranya, mata berair, tengkuk yang berair dan selesama.

"Jadi, ternakan ini perlu diberi air secukupnya dan inisiatif membasahkan mereka dua ke tiga kali bergantung keadaan.

"Memang kena jaga betul-betul sebab ada antara ayam ini dibeli dengan harga yang mahal iaitu RM1,600 seekor," katanya.

HARIF menyembur air pada ayam peliharaannya berikutan cuaca panas yang melanda di Kampung Undang.



MAT Nawi Hussin Bersenang-senang melihat ayam berair di kolam di kampung Undang.

Ramli Ibrahim  
am@nstp.com.my



FENOMENA KEMARAU PANJANG  
**RM500,000**  
**'TERBANG'**

■ **Penternak ikan berdepan kerugian berikutan air kolam semakin kering**



**Gua Musang**

**P**enternak ikan kolam di Kampung Lapan Jaya, di sini bakal berdepan kerugian lebih RM500,000 sekiranya kemarau berpanjangan.

Mat Nawi Hussin, 60, berkata, dia memelihara 100,000 pelbagai jenis ikan kolam sejak 26 tahun lalu, dan kali pertama berdepan fenomena kemarau yang panjang.

"Sejak kemarau panjang bermula lebih sebulan lalu, semua lapan kolam ikan surut 0.5 meter.

"Paling membimbangkan jika keadaan itu berterusan boleh menyebabkan kematian 9,000 ikan kelah saja.

"Ikan kelah ini pula hampir matang untuk dijual dan setiap seekor mempunyai berat antara satu hingga tiga kilogram, boleh dijual pada harga RM200 sekilogram," katanya ketika ditemui, keimarin.

Selain ikan kelah, Mat Nawi juga memelihara 40,000 ikan tilapia, ikan patin (30,000) dan ikan tonggan (20,000).

Menurutnya, dia kini buntu memikirkan cara untuk mengatasi masalah air kolam ikan yang semakin kering dan berharap ada bantuan daripada pihak berkuasa.



**Tiga hari lawan api di Kampung Gelung Badak**

ANGGOTA bomba Bachok menjalankan operasi pemadaman api di Kampung Beris Lelang yang terbelak sejak 3 Februari lalu.

**Kota Bharu:** Tiga hari diambil Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) untuk memadamkan sepenuhnya kebakaran tanah gambut seluas 10 hektar di Kampung Gelung Badak, Bachok.

Operasi itu yang dimulakan sejak Sabtu lalu ditamatkan, kelmarin selepas api padam sepenuhnya pada jam 7 malam.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Bachok, Yus Heary Mahmud berkata, 35 anggota terlibat dalam operasi itu memabatkan anggotanya dan dibantu BBP daerah berdekatan.

Katanya, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) turut membantu melancarkan operasi.

"Kita berusaha memadamkan kebakaran secepat mungkin dan mengambil masa selama tiga hari kerana tidak mahu api merebak ke kawasan kebun lain di musim kemarau ini.

"Musim ini sangat mudah sebabkan api merebak disebabkan keadaan tanah, pokok dan rumput kering.

"Walaupun kawasan jauh daripada penempatan penduduk tetapi pembakaran terbuka turut memberi kesan kepada pencemaran udara," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Beliau menasihati orang ramai supaya tidak melakukan pembakaran terbuka kerana ia kejadian ketiga selepas kebakaran tanah gambut di

Kampung Beris Lelang dan Kampung Baru Hujung Lidah, Bachok.

"Agak sukar untuk mengesan pelaku kerana penduduk tidak mengaku melakukan pembakaran terbuka dan sepatutnya mereka sama-sama bertanggungjawab demi kesejahteraan hidup," katanya.



LAMPIRAN 11  
KOSMO (DUNIA): MUKA SURAT 42  
TARIKH: 7 MAC 2019 (KHAMIS)

# India dominasi senarai bandar raya paling tercemar

**NEW DELHI** - India mendominasi senarai bandar raya tercemar dalam tahun 2018 dengan menduduki 22 daripada 30 kedudukan teratas, demikian menurut laporan Greenpeace.

Pencemaran udara dianggarkan menyumbang kepada 7 juta kematian awal pada setiap tahun dan dianggap sebagai risiko kesihatan alam sekitar tunggal terbesar oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Walaupun New Delhi sekali lagi dinamakan sebagai ibu negara yang mempunyai udara paling tercemar dan berada di tempat ke-10, jirannya, bandar Gurugram menduduki tempat pertama senarai tersebut.

Bandar-bandar di China, Pakistan dan Bangladesh turut berada pada kelompok 30 teratas.

Senarai yang dikenali sebagai Laporan Kualiti Udara 2018 itu disusun oleh Greenpeace dan IQAir AirVisual dengan menggunakan data pencemaran udara dari beribu-ribu stesen pemantau milik awam serta persendirian di seluruh dunia. Ia bertujuan untuk menyenaraikan lebih 3,000 bandar raya daripada paling kotor hinggalah yang paling bersih.

Di peringkat negara pula, Bangladesh muncul sebagai negara paling tercemar diikuti rapat oleh Pakistan dan India, manakala Afghanistan serta Mongolia



GAMBAR fail bertarikh 12 November 2017 menunjukkan jerebu akibat pencemaran udara melitupi kota raya New Delhi. AFP

turut berada di 10 tempat teratas.

“Selain kehilangan nyawa manusia, pencemaran ini menyumbang kepada kehilangan tenaga buruh global dianggarkan bernilai AS\$225 bilion (RM920 bilion) dan kerugian beberapa trilion dolar akibat kos perubatan,” kata Pengarah Eksekutif Greenpeace Asia Tenggara, Yeb Sano.

“Ia memberikan impak yang amat besar terhadap kesihatan dan wang kita,”

tambahnya.

Laporan itu turut memantau partikel pencemaran halus dikenali sebagai PM2.5 yang boleh menembusi salur udara dan menyebabkan masalah pernafasan.

Daripada lebih 3,000 bandar raya yang dianalisis, 64 peratus didapati mencatatkan kadar PM2.5 melebihi daripada garis panduan pendedahan tahunan yang disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia. - AFP